

TALKING POINT

**Y.BHG. PROFESOR DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB
NAIB CANSELOR**

**MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)
ANTARA UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA DAN
SOUTHEAST ASIAN MINISTERS OF EDUCATION ORGANIZATIONS
(SEAMEO) SPECIAL EDUCATION NETWORK**

05 Ogos 2016 (Jumaat), 9.30 pagi,

Seameo Melaka, Level 2, Ajung Hikmah Complex, IPGK Perempuan Melayu,

Terima Kasih Saudara/i Pengacara Majlis,

Yang Berhormat Datuk Wira Haji Md Yunos bin Husin

Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka

Y.Bhg. Datin Dr. Hjh. Yasmin binti Hussain

Pengarah, SEAMEO SEN

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Penolong-Penolong Naib Canselor

Y.Bhg. Prof. Dr. Burairah bin Husin

Dekan, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi UTeM

Y.Bhg. Dr. Kway Eng Hock

Timbalan Pengarah, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi SEAMEO SEN

Pegawai-pegawai Universiti, Pegawai-Pegawai SEAMEO SEN, Rakan Media, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh, Salam Sejahtera dan Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau, Melaka 754 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Tepat, Cepat.

TUJUAN MoU

- Membina hubungan dan rangkaian dengan institusi di dalam dan luar negara bagi menjalankan **aktiviti penyelidikan serta pemindahan teknologi** terutama sekali dalam kepakaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) serta kejuruteraan dalam bidang pendidikan teknikal.

- Inisiatif yang seiring dengan hasrat UTeM untuk menunjangi peranan dalam menerajui kepakaran melalui **bidang ICT, kejuruteraan dan pengurusan teknologi** menerusi pelbagai kaedah serta jalinan kerjasama.
- Hubungan pintar dengan Badan Bukan Kerajaan (NGO) seperti SEAMEO SEN **dapat memperkasa Fakulti-Fakulti yang terlibat** antaranya Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK), Pusat Bahasa & Pembangunan Insan (PBPI) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) secara khususnya serta UTeM secara amnya dari segi penyelidikan serta pemindahan teknologi.

PERANAN UTeM

- UTeM menerusi **Pusat Kecemerlangan C-ACT** (Innovative and Sustainable Technical Education - ISTE), **AMC (Advanced Manufacturing Centre)**, **C-TeD** (Centre of Technopreneurship

Development) bakal mengadakan perkongsian maklumat dan kerjasama penyelidikan ICT, multimedia, sosial serta Keusahawanan dengan SEAMEO SEN bagi memperkasakan pendidikan TVET secara komprehensif.

- Ia bertepatan dengan peranan UTeM sendiri sebagai **institusi pendidikan tinggi TVET** yang berperanan penting dalam menyebarkan ilmu berkaitan TVET kepada setiap lapisan masyarakat.
- Usaha ini turut **menyokong** pencapaian lonjakan 4 (Graduan TVET Berkualiti) dalam **Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) 2015-2025** dan menyahut ajakan Tema 4 (Memacu Potensi Komuniti) dalam **Pelan Strategik Universiti 2012-2020**.

- Kerjasama strategik ini bakal **melonjakkan keupayaan, daya saing dan kelestarian universiti** serta memberi pengiktirafan kepada penyelidik-penyelidik UTeM.
- Jaringan kerjasama ini merupakan pendekatan yang akan **merapatkan hubungan antara UTeM dengan masyarakat berkeperluan khas** di Malaysia yang terdiri daripada individu yang mempunyai masalah pembelajaran seperti autisme, masalah penglihatan, masalah pendengaran dan bakat “gifted”.

SKOP KERJASAMA

Skop kerjasama antara UTeM dan SEAMEO SEN meliputi perkara-perkara berikut:

- Perkongsian idea serta pencapaian maklumat/data untuk tujuan penyelidikan;

- Perkongsian dan kerjasama akademik untuk pelajar dan staf;
- Perkongsian/rujukan kepakaran ICT dalam pembangunan aplikasi multimedia, keusahawanan, dan pendidikan khas;
- Aktiviti-aktiviti latihan berkaitan akademik, penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan; dan
- Khidmat perundingan di dalam bidang ICT, multimedia, keusahawanan dan kejuruteraan

HARAPAN

- Melalui pemateraian MoU untuk tempoh dua (2) tahun ini, hubungan kerjasama ini **dapat merealisasikan visi dan misi universiti** serta merangsang dan memperkukuhkan aktiviti penyelidikan berteraskan **tujuh (7) bidang tujahan** yang telah dikenalpasti selari dengan kehendak dan hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi.

- Ucapan terima kasih kepada semua para tetamu, khususnya Y.Bhg Datin Dr Hj. Yasmin binti Hussain kerana sudi untuk berkolaborasi bersama UTeM.
- Saya mendoakan agar majlis pada pagi ini berjalan dengan jayanya dan mendapat keberkatan dari Allah SWT.

Anak Kecil Bermain Lilin,
Ditemani indah cahaya purnama,
Majlis Dilaksana Kerjasama Terjalin,
Memacu Penyelidikan Manfaat Bersama

Sekian, terima kasih.

.